# SENARAI SEMAK PENERIMAAN LABEL PRODUK RUMUSAN SEDIA DIMINUM

**Nama Syarikat :** ______________________________

**Jenama :** ______________________ **Isipadu Per Botol :** ______________

**Bilangan Botol Per Kotak :** ______________ **Tarikh/ Hari :** ______________

---

## A) KEPERLUAN AM SEMASA PENERIMAAN BAHAN

| Bil. | Perkara | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Surat iringan disertakan dengan label yang dikemukakan untuk penapisan. | | | |
| 2. | Label kotak dan botol yang dikemukakan untuk penapisan disertakan seperti dalam kuantiti berikut:<br>i. 1 salinan bewarna<br>ii. 19 salinan bercetak hitam putih<br>iii. 1 salinan elektronik | | | |
| 3. | 1 salinan elektronik bagi label terdahulu yang telah mendapat kod kelulusan. (Kecuali permohonan penapisan label baru bagi produk baru yang belum pernah dipasarkan). | | | |
| 4. | Label yang dikemukakan untuk penapisan adalah mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.<br>(Salinan bukti pematuhan disertakan). | | | |
| 5. | Salinan sijil daripada Perbadanan Harta Intelek disertakan sekiranya cap dagangan berstatus ® dan/ atau salinan Borang Setuju Terima (*Letter of Acceptance)* sekiranya permohonan berstatus ™ didapati terdapat pada bahan ini. (Sekiranya berkaitan). | | | |
| 7. | Bagi label yang mengandungi perkataan “organik”, “biologikal”, “ekologikal”, “biodinamik” atau apa-apa perkataan lain yang mempunyai maksud yang sama, mematuhi peruntukan yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan. (Sijil dan surat-surat yang berkaitan disertakan). | | | |

| Bil. | Perkara | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|
| 8. | Maklumat harga yang disyorkan bagi label produk yang dikemukakan untuk penapisan disertakan. | | | |
| 9. | Reka bentuk label yang dikemukakan untuk penapisan adalah reka bentuk sebenar seperti yang dicadang untuk dicetak. | | | |

**B) SEMAKAN TERHADAP PEMATUHAN TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN PADA BUNGKUSAN/ KOTAK PRODUK SEDIA DIMINUM**

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Bahasa** | Bahasa utama pada label adalah Bahasa Malaysia dan boleh termasuk terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain. | | | |
| | | Penggunaan bahasa pada label adalah tepat, jelas dan tidak mengelirukan. | | | |
| | | Terjemahan bahasa pada label tepat dan tidak mengelirukan. | | | |
| 2. | **Nama sebutan sebenar produk** | Nama sebutan sebenar produk yang digunakan adalah betul. | | | |
| | | Ketinggiannya huruf bagi nama sebutan sebenar produk hendaklah tidak kurang daripada ½ ketinggian jenama produk. | | | |
| | | Perkataannya hendaklah menonjol dari segi visual dan kedudukannya pada label. | | | |
| 3. | **Golongan sasaran** | Golongan sasaran dinyatakan dengan jelas pada label dan dinyatakan dalam bentuk nombor. (Kecuali bagi label untuk pembaharuan kod kelulusan yang | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pernah diberikan ulasan sebelum ini tentang cara penulisan golongan sasaran yang sesuai oleh Jawatankuasa Penapisan Tata Etika). | | | |
| 4. | **Pernyataan mandatori pada panel utama bungkusan/ kotak** | **<u>Bagi Rumusan Bayi/ Rumusan Khas</u>**<br><br>i. **"SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK BAGI BAYI".**<br>(Perkataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 10 poin saiznya.) | | | |
| | | ii. **"RUMUSAN BAYI BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN"**<br>(Perkataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 4 poin saiznya) | | | |
| | | iii. **"Sebelum Membuat Keputusan Untuk Menggunakan Keluaran Ini, Sila Minta Nasihat Profesional Kesihatan"** | | | |
| | | **<u>Bagi Rumusan Susulan</u>**<br><br>i. **"SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK UNTUK BAYI".**<br>(Perkataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 10 poin saiznya). | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | ii. **"RUMUSAN SUSULAN BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN".** (Perkataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 4 poin) | | | |
| | | iii. **"TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN".** | | | |
| | | iv. **"Sebelum Membuat Keputusan Untuk Menggunakan Keluaran Ini, Sila Minta Nasihat Profesional Kesihatan"** | | | |
| 5. | **Senarai bahan** | Mempunyai nama haiwan atau tumbuhan dari mana bahan-bahan utama diperolehi. Ianya ditulis pada Senarai Bahan dalam huruf tebal. | | | |
| 6. | **Nama dan alamat pengilang** | **<u>Bagi makanan yang dikilang atau dibungkus di Malaysia, perlu nyatakan :</u>**<br><br>i. Nama dan alamat perniagaan pengilang atau pembungkus, atau empunya hak untuk mengilang atau membungkus atau ejen mana-mana daripada mereka | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **<u>Bagi makanan yang diimport, perlu nyatakan :</u>**<br><br>i. Nama dan alamat perniagaan pengilang atau pembungkus, atau empunya hak untuk mengilang atau membungkus atau ejen mana-mana daripada mereka, dan; | | | |
| | | ii. Nama serta alamat perniagaan pengimport di Malaysia, dan; | | | |
| | | iii. Nama negeri dari mana makanan itu berasal. | | | |
| 7. | **Arahan Penyediaan Susu Formula Bayi dan Penstoran** | Mengandungi arahan untuk penyediaan yang betul dan amaran mengenai bahayanya terhadap kesihatan jika tidak disediakan dengan betul. | | | |
| | | Mengandungi maklumat mengenai cara menyediakan rumusan yang termasuk penyataan mengenai kuantiti atau amaun rumusan yang diarah untuk digunakan dalam penyediaan untuk diberi kepada bayi. | | | |
| | | Mengandungi amaun rumusan yang perlu diberi pada setiap sajian dan bilangan sajian setiap hari. Maklumat ini perlu diberikan bagi setiap bulan sehingga umur enam bulan untuk rumusan bayi. | | | |
| | | Mempunyai arahan penyimpanan. | | | |
| | | Arahan penyediaan susu yang diberikan adalah bersesuaian dengan kaedah pengendaliannya di hospital. | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Arahan penyediaan susu yang terdapat pada label tidak mengandungi sebarang gambar/ grafik atau pernyataan mengenai penggunaan puting bagi pemberian produk ini kepada bayi. | | | |
| 8. | **Perkara dilarang pada bungkusan/ kotak** | Tidak mempamerkan sebarang tuntutan yang menyatakan keunggulan atau kesamaan produk dengan susu ibu. | | | |
| | | Tidak menggunakan perkataan, grafik atau gambar yang melambangkan gred, kualiti atau keunggulan ataupun maksud lain yang sama. | | | |
| | | Tidak menggunakan pernyataan “Puting tidak disediakan” ataupun maksud lain yang sama. | | | |
| | | Tiada perkataan “kemanusiaan/ *humanised”* atau ”keibuan/ *maternalised*” atau istilah yang serupa**.** | | | |
| | | Tidak menggunakan sebarang gambar, grafik, perkataan atau penyataan yang mungkin memberi tanggapan keunggulan rumusan bayi. Gambar atau grafik bayi dan bahagian tubuh bayi atau manusia tidak dibenarkan. | | | |
| | | Tidak digunakan sebagai bahantara pengiklanan produk lain. | | | |
| | | Tidak menggunakan pelekat yang tidak ditapis. | | | |

**NOTA PENTING:**
Keperluan lain pelabelan sebagaimana Bahagian IV Pelabelan, Pelabelan Spesifik dalam standard berkaitan, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta keperluan lain dalam Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan perlu dipatuhi.

## C) KEPERLUAN PELABELAN DAN PEMATUHAN TERHADAP TATA ETIKA PEMASARAN MAKANAN BAYI DAN PRODUK BERKAITAN PADA BOTOL PRODUK SEDIA DIMINUM

(Bagi produk sedia diminum yang tidak dijual secara individu, label botol HANYA boleh mengandungi maklumat seperti di bawah sahaja)

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Warna** | Penggunaan warna hitam dan putih sahaja pada label | | | |
| 2. | **Bahasa** | Bahasa utama pada label adalah Bahasa Malaysia dan boleh termasuk terjemahannya dalam mana-mana bahasa lain. | | | |
| | | Penggunaan bahasa pada label adalah tepat, jelas dan tidak mengelirukan. | | | |
| | | Terjemahan bahasa pada label adalah tepat dan tidak mengelirukan. (Jika berkaitan). | | | |
| 3. | **Nama sebutan sebenar produk** | Nama sebutan sebenar produk dinyatakan dalam huruf besar. | | | |
| 4. | **Golongan sasaran** | Golongan sasaran dinyatakan dengan jelas pada label dan dinyatakan dalam bentuk nombor. | | | |
| 5. | **Arahan penggunaan dan penstoran** | Label mengandungi arahan bagi penstoran dan maklumat tentang penyimpanannya sebelum dan selepas bungkusan itu dibuka. | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh<br>( √ ) | Tidak patuh<br>( X ) | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| 6. | **Jenama/ logo** | Jenama/ logo produk dicetak di bahagian penutup botol dan tidak dicetak di label.<br><br>**Penggunaan bottle neck tag atau branded shrink wrap pada mulut botol RTF yang akan terbuang apabila botol dibuka adalah dibenarkan.* | | | |
| 7. | **Pernyataan mandatori pada panel utama label (Pilih yang mana berkaitan)** | **<u>Bagi Produk Rumusan Bayi/ Rumusan Khas</u>**<br><br>Pernyataan berikut terdapat pada panel utama label:<br><br>i. **“SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK BAGI BAYI”** (Pernyataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 10 poin saiznya).<br><br>ii. **“RUMUSAN BAYI BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN”** (Pernyataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 4 poin saiznya).<br><br>iii. **“Sebelum Membuat Keputusan Untuk Menggunakan Keluaran Ini, Sila Minta Nasihat Profesional Kesihatan”.** | | | |

| Bil. | Perkara | | Patuh ( √ ) | Tidak patuh ( X ) | Tindakan |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | | <u>**Bagi Rumusan Susulan:**</u><br><br>Pernyataan berikut terdapat pada panel utama label:<br><br>i. **“SUSU IBU ADALAH MAKANAN YANG TERBAIK UNTUK BAYI”** (Pernyataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 10 poin saiznya).<br><br>ii. **“RUMUSAN SUSULAN BUKANLAH MAKANAN TUNGGAL BAGI BAYI YANG BERUMUR LEBIH DARIPADA 6 BULAN”** (Pernyataan ini hendaklah berhuruf tebal dan tidak kurang daripada 4 poin saiznya).<br><br>iii. **“TIDAK BOLEH DIBERIKAN KEPADA BAYI YANG BERUMUR DI BAWAH 6 BULAN”**<br><br>iv. **“Sebelum Membuat Keputusan Untuk Menggunakan Keluaran Ini, Sila Minta Nasihat Profesional Kesihatan”.** | | | |
| 8. | **Lain-lain** | Label tidak mempunyai unsur-unsur yang boleh mengaitkan antara produk sedia diminum dengan produk susu formula bayi yang dijual di pasaran. | | | |
| | | Terdapat pernyataan **”BUKAN UNTUK DIJUAL SECARA INDIVIDU”** pada label. | | | |

| **Bil.** | **Perkara** | | **Patuh ( √ )** | **Tidak patuh ( X )** | **Tindakan** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Terdapat pernyataan "**Untuk Kegunaan Hospital Sahaja"** pada panel utama label. | | | |
| | | Tiada pernyataan **"Puting tidak disediakan"** ataupun maksud lain yang sama digunakan pada label. | | | |
| | | Terdapat pernyataan kandungan kalori produk pada label. | | | |
| | | Terdapat nombor *batch* produk pada label . | | | |